



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



CAKna

Modul

(Creative, Academic, Knowledge and Attitude)

**MODUL *CREATIVE, ACADEMIC, KNOWLEDGE AND ATTITUDE*
(CAKnA)**

**KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

EDISI 2020

**DOKUMEN INI DILULUSKAN
PENGUNAANNYA DI PERINGKAT
KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Terbitan Edisi 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,
Kementerian Pengajian Tinggi,
Aras 6, Galeria PjH,
Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan dalam-Penerbitan

ISBN 978-967-2243-88-5

Modul CAKnA (*Creative, Academic, Knowledge and Attitude*) Kolej Komuniti Malaysia
Kementerian Pengajian Tinggi Edisi 2020

PRAKATA

Tahniah dan selamat datang buat anda kerana berjaya menempatkan diri di Kolej Komuniti kami.

Modul CAKnA (*Creative, Academic, Knowledge and Attitude*) ini didedikasikan khas untuk anda sebagai salah seorang pelajar di Kolej Komuniti Malaysia. Modul ini akan memandu anda ke arah kecemerlangan diri sepanjang pengajian. Harapan kami agar anda mampu merancang kecemerlangan kerjaya seawal semester satu pengajian.

Pelaksanaan modul ini bergantung kepada kesesuaian dan keperluan di sesebuah Kolej Komuniti. Kolej Komuniti, jabatan dan unit-unit akan bertindak sebagai pemudah cara semasa anda menggunakan modul ini. Kami akan berusaha membantu anda mencapai kejayaan gemilang yang diimpikan. Kecemerlangan adalah milik semua orang yang gigih berusaha tidak mengira kaum, bangsa atau agama. Setiap individu boleh mencapai kecemerlangan sama ada dalam kerjaya atau kehidupan sekiranya mereka benar-benar berusaha serta mengetahui rahsia di sebaliknya. Harapan kami agar anda menjadi pelajar yang cemerlang akhlak dan tingkah laku sekali gus mencapai keseimbangan dalam kehidupan.

Kami menaruh harapan yang tinggi agar anda berjaya bergraduat dengan cemerlang dan melangkah keluar sebagai alumni terbaik yang pernah dilahirkan di Kolej Komuniti. Semoga kejayaan menjadi milik anda walau dalam apa jua bidang yang diceburi. Semoga bermanfaat!

**Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
2020**

PENGENALAN

Penekanan kepada aspek kecemerlangan menyeluruh memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan individu yang holistik dan berprestasi tinggi. Holistik dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pemantapan kemahiran sahaja, malah turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika. Dengan kata lain, pembangunan modal insan turut memberi tumpuan kepada aspek keinsanan yang terbina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dokongan moral. Modal insan dengan ciri-ciri tersebut mampu memenuhi keperluan untuk membolehkan transformasi dan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia berlaku secara lebih berstruktur.

Segala aspek penting yang berkesan perlu didedahkan supaya setiap individu lebih fokus dalam membentuk jati diri yang lebih cemerlang. Bakat dan kelebihan semula jadi seseorang individu perlu dikenal pasti dan dibangunkan agar menjadi sumber kejayaan dalam jangka masa panjang. Pembangunan diri perlu dibentuk dengan teliti agar dapat menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis untuk memenuhi kehendak pasaran, komuniti setempat dan global. Bimbingan sewajarnya yang diberikan dalam aspek pembangunan akademik, sahsiah dan kerjaya berupaya membantu ke arah pencapaian kecemerlangan diri.

Justeru, Modul CAKnA dibangun dan direka bentuk untuk membantu dan melengkapkan pelajar dengan pemikiran, kepercayaan, jangkaan, sikap, tingkah laku dan prestasi yang diperlukan oleh institusi pendidikan dan majikan. Penggunaan modul CAKnA melalui Sistem Penasihat Akademik (SPAk) dari semester 1 hingga semester 4/6 di Kolej Komuniti merupakan satu landasan terbaik dalam memperkukuhkan sahsiah diri dalam memilih kecemerlangan kerjaya. Selain itu, modul CAKnA juga bertujuan untuk mewujudkan persekitaran sokongan yang dapat meningkatkan pembangunan insaniah, jati diri dan juga suasana pembelajaran yang berterusan.

Modul (CAKnA) ini menitikberatkan LIMA (5) domain utama iaitu:

Domain 1 - Kesedaran Diri

Saya 'mengenal' diri saya. Sebagai seorang individu, saya hendaklah mengenal pasti personaliti, minat, dan nilai diri yang ada dalam diri saya. Mengenal pasti kekuatan, kelemahan yang ada pada diri saya agar dapat membangunkan potensi dan keyakinan diri. Apabila seseorang mengenal pasti diri mereka sendiri, maka proses menuju kecemerlangan diri akan lebih bermakna.

Domain 2 - Matlamat yang Jelas dan i-Smart

Matlamat yang jelas berfungsi sebagai petunjuk arah kepada kecemerlangan. Pembinaan matlamat yang ditetapkan hendaklah berciri *SMART: Specific, Measurable, Attainable, Relevant, dan Time-Bound* bagi memudahkan pelajar mengadaptasi diri pada posisi kecemerlangan yang tepat. Penekanan terhadap kepentingan kemahiran komunikasi, kemahiran asertif, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran menguruskan stres secara berkesan.

Domain 3 - Pemeraksanaan Jati Diri

Pelajar yang cemerlang bukan sahaja handal dalam akademik tetapi juga hebat akhlak serta kelakuannya. Mencapai keputusan cemerlang dalam akademik tanpa jati diri atau keperibadian cemerlang, belum cukup untuk membolehkan seseorang pelajar itu dianggap sebagai cemerlang. Kedua-dua kualiti utama tersebut mesti ada pada pelajar cemerlang. Perlu bersedia untuk belajar mengubah sikap dan tingkah laku agar lebih positif. Pelajar seharusnya berupaya mengimbangi pembangunan sahsiah yang sempurna kerana kecemerlangan pelajar dalam akademik perlu diimbangkan dengan kecemerlangan sahsiah individu. Kenal pasti individu yang sesuai sebagai *role model*. Bagaimana saya boleh jadi sehebat *role model* saya? Apakah nilai-nilai baik, cemerlang, positif dan lain-lain dalam diri *role model* yang boleh diserap dalam diri saya untuk menjadi inspirasi kepada orang lain?

Domain 4 - Pembelajaran Berkesan

Sebagai seorang pelajar, saya perlu mengurus masa dan menyediakan strategi pembelajaran yang berkesan supaya dapat menumpukan perhatian dalam membuat semua perkara yang dirancang.

Domain 5 - Kecemerlangan Kerjaya

Pendedahan mengenai peluang dan kaedah mencari pekerjaan, menjadi usahawan/bekerja sendiri atau melanjutkan pengajian melalui aktiviti/program yang dianjurkan.

Individu yang berkemahiran dibentuk untuk menyumbang tenaga separa mahir kepada organisasi, masyarakat dan negara. Transformasi diri perlu ada dalam setiap individu agar minda, jasmani dan juga rohani terus cemerlang.

RINGKASAN AKTIVITI DOMAIN

Domain	Aktiviti	Cadangan Pemudahcara	Muka Surat	Semester
1 Kesedaran Diri	Kenal Diri - Mengenal Diri & Membina Matlamat - Inspirasiku - Matlamat Kerjaya Saya - Matlamat Kehidupan Saya	PA PA PA PA	4 36 60 108	SKK1/ SKK (Khas)/STE1/ DKK1 SKK2/ SKK (Khas)/STE4 SKK3/ SKK (Khas)/STE2/ DKK2 DKK3
	Ujian Psikometrik Ujian Personaliti Warna (IPW)	PPsi	12	SKK1/ SKK (Khas)/STE1/ DKK1
2 Matlamat Yang Jelas & i-SMART	SWOT - Analisis SWOT - Cermin Diri	PA PA	14 40	SKK1/ SKK (Khas)/STE1/ DKK1 SKK2/SKK (Khas)/STE4
	i-SMART Menuju Puncak Kejayaan	PA	44	SKK2/SKK (Khas)/STE4/ DKK 3
	Kemahiran Insaniah - Matlamat kehidupan saya - Kemahiran organisasi - peranan pengurus - perantisan - Kemahiran pemikiran kritis - titik bergaris - Kemahiran Menyelesaikan Masalah - Kapal Karam	PA PA PA PA	108 112 115 118	DKK3 DKK3 DKK3 DKK3
	Kemahiran Pengurusan Stress Teknik Relaksasi (<i>Relaxation</i>)	PPsi/ PA	50	SKK2/SKK (Khas)/STE4
	Pemerkasaan Jati Diri – Akademik Projek Menara	PPsi/ PA	33	SKK1/ SKK (Khas)/STE1/ DKK1
3 Pemerkasaan Jati Diri	Pemerkasaan Jati Diri – Bukan Akademik - Pembentukan Sahsiah - Senam Seni - Pembentukan Pasukan - Lakonan Dalam Kelas - Pembentukan Sahsiah - Senam Seni - Adab dan Etika - Penghasilan Video Pendek	PBS PA PBS PA	57 124 128 130	SKK2/SKK (Khas)/STE4 DKK3 DKK3 DKK3

4 Pembelajaran Berkesan	Elemen 1: Perancangan Pembelajaran • Komunikasi Interpersonal - Idola Saya	PA	47	SKK2/SKK (Khas)/STE4
	Elemen 2: Pengurusan Masa • Perancangan Aktiviti Harian	PA	21	SKK1/ SKK (Khas)/STE1/ DKK1
	Elemen 3: Gaya Pembelajaran • Gaya Pembelajaran(VAK)	PA	25	SKK1/ SKK (Khas)/STE1/ DKK1
	• Kemahiran Mendengar - Telefon Karat • Kemahiran Mencatat Nota	PA PA	54 121 47	SKK2 /SKK (Khas)/STE4 DKK4 SKK2 /SKK (Khas)/STE4
5 Kecemerlangan Kerjaya	• Panduan Mencari Pekerjaan • Panduan menjadi usahawan/ bekerja sendiri • Panduan melanjutkan pengajian	PA	138 140 142	DKK4
	Taklimat Latihan Industri	PPIA	68	SKK3/ SKK (Khas)/STE2/ DKK2
	Ujian Inventori Minat Kerjaya Sidek	PPsi/ PPIA	80	SKK3/SKK (Khas)/STE2/ DKK2
	Penyediaan resume	PPIA	65 150	S3/SKK (Khas)/STE2/ DKK4
	Persediaan menghadapi temuduga • Personaliti Unggul (<i>Grooming</i>) • Bina keyakinan diri - <i>Speak Up</i> • Persediaan Menghadapi Temuduga: Simulasi Temuduga	PPsi/ PPIA PPsi/ PPIA PPIA	63 81 83	SKK3/ SKK (Khas)/STE2/ DKK2
	Taklimat Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)	PPIA	85 151	SKK3/SKK (Khas)/STE2/ DKK2 DKK4

- SKK = Sijil Kolej Komuniti
- DKK = Diploma Kolej Komuniti
- STE = Sijil Teknologi Elektrik (Pemasangan Dan Perkhidmatan)
- PA = Penasihat Akademik
- PPsi = Pegawai Psikologi
- PPIA = Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni
- PBS = Pegawai Belia dan Sukan

CARA PENGIRAAN PNM & HPNM

1

**BANTUAN KEWANGAN PELAJAR KOLEJ
KOMUNITI (BKPKK)**

2

**MENGENAL DIRI DAN MEMBINA MATLAMAT
(AKTIVITI 1A)**

3

**UJIAN PERSONALITI WARNA (IPW)
(AKTIVITI 1B)**

5

**ANALISIS SWOT
(AKTIVITI 1C)**

13

**PENGURUSAN MASA -
PERANCANGAN AKTIVITI HARIAN
(AKTIVITI 1D)**

16

**PERANCANGAN PEMBELAJARAN -
GAYA PEMBELAJARAN (VAK)
(AKTIVITI 1E)**

24

**PERANCANGAN PEMBELAJARAN -
TEKNIK PEMBELAJARAN
(KEMAHIRAN MENCATAT NOTA)
(AKTIVITI 1F)**

30

**PEMERKASAAN JATI DIRI -
PROJEK MENARA
(AKTIVITI 1G)**

33

SISTEM NILAIAN MATA

Sistem penilaian Kolej Komuniti Malaysia adalah berdasarkan kepada penilaian kuantitatif prestasi pelajar di dalam sesuatu program yang dikenali sebagai Sistem Nilai Mata.

Mengikut Sistem Nilai Mata, prestasi pelajar bagi sesuatu kursus adalah berdasarkan kepada Sistem Gred yang mana pencapaian dinilai menggunakan dua (2) ukuran iaitu Purata Nilai Mata (PNM) atau *Grade Point Average* (GPA) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) atau *Cummulative Grade Point Average* (CGPA).

$$\text{PNM (GPA)} = \frac{\text{Jumlah SEMUA Mata Kredit yang diperolehi di dalam sesuatu semester semasa}}{\text{Jumlah SEMUA Jam Kredit yang diambil di dalam semester semasa}}$$

$$\text{HPNM (CGPA)} = \frac{\text{Jumlah SEMUA Mata Kredit yang diperolehi hingga kini}}{\text{Jumlah SEMUA Jam Kredit yang diambil hingga kini}}$$

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 - 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 - 89	A	4.00	Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	Kepujian
70 - 74	B+	3.33	
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	Baik
55 - 59	C+	2.33	
50 - 54	C	2.00	
47 - 49	C-	1.67	Lulus
44 - 46	D+	1.33	
40 - 43	D	1.00	
0 - 39	F	0.00	Gagal

“ Masa depan tergantung pada apa yang kita lakukan hari ini ... ”

-Mahatma Gandhi



BANTUAN KEWANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI (BKPKK)

Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) merupakan salah satu program bantuan yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk membantu pelajar Kolej Komuniti melanjutkan pengajian ke peringkat separa profesional yang akan dapat meningkatkan kemahiran hidup seterusnya memberi peluang mereka menceburi bidang ekonomi dengan lebih berkesan.

Bantuan ini diberikan kepada pelajar program sijil sepenuh masa yang berasal daripada keluarga berpendapatan bulanan RM3000.00 dan ke bawah. Kadar elaun yang diberikan ialah RM300.00 sebulan dan dibayar mengikut program dan tempoh pengajian.

Pada tahun 2016, pemberian BKPKK dijadikan lebih kompetitif dengan mengenakan kelayakan pemilihan berdasarkan keputusan peperiksaan selain daripada syarat kelayakan pendapatan bulanan isi rumah.

MEKANISME PERMOHONAN

A. SYARAT PERMOHONAN

Pelajar baru semester 1 dan semester 2 layak memohon BKPKK sekiranya menepati syarat-syarat seperti berikut:

1. Pelajar mestilah merupakan Warganegara Malaysia.
2. Diberikan kepada pelajar peringkat sijil Kolej Komuniti yang melibatkan pengajian sekurang-kurangnya empat (4) semester.
3. Jumlah pendapatan bulanan isi rumah ibu bapa / penjaga adalah RM3000.00 dan ke bawah tanpa mengira tanggungan.
4. Menandatangani dua (2) salinan perjanjian (tanpa penjamin).
5. Mengisi Borang Penyata Pendapatan Keluarga.



B. SYARAT KELAYAKAN

Pemohon akan dipertimbangkan pemberian BKPKK sekiranya menepati syarat-syarat seperti berikut :

1. Pelajar semester 1 yang baru memohon tertakluk kepada syarat ibu bapa / penjaga sah yang berpendapatan kasar bulanan sebanyak RM3000.00 dan ke bawah tanpa tertakluk kepada jumlah tanggungan isi rumah.
2. Pelajar semester 2 yang baru memohon tertakluk kepada syarat ibu bapa / penjaga sah yang berpendapatan kasar bulanan sebanyak RM3000.00 dan ke bawah tanpa tertakluk kepada jumlah tanggungan isi rumah serta berstatus aktif serta keputusan peperiksaan semester 1 dengan HPNM yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bantuan Kewangan di peringkat JPPKK.
3. Bagi pelajar semester 1, bayaran pertama diberikan pada semester 1 dan bayaran kedua diberikan pada semester 2 selepas mendapat keputusan peperiksaan semester 1.
4. Bagi pelajar semester 2, bayaran diberikan pada semester 2 selepas mendapat keputusan semester 1 dengan HPNM yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bantuan Kewangan di peringkat JPPKK.



AKTIVITI 1A:**MENGENAL DIRI & MEMBINA
MATLAMAT****TARIKH:**

**SEMESTER
PENGAJIAN:****SKK1 / SKK (Khas) / STE1 /
DKK1****DOMAIN 1****KESEDARAN DIRI****OBJEKTIF**

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Mengenal siapa diri sendiri.
2. Membina matlamat diri.
3. Membuat gambaran terhadap diri sendiri.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik menerangkan mengenai kesedaran sendiri kepada pelajar.
2. Penasihat Akademik meminta pelajar mengenal pasti potensi dan kekuatan diri pelajar.
3. Penasihat Akademik meminta pelajar menyenaraikan mengenai matlamat dan maklumat kehidupan pelajar.
4. Penasihat Akademik meminta setiap pelajar untuk memperkenalkan diri dan matlamat masing-masing kepada rakan-rakan yang lain.

NILAI-NILAI MURNI**REFLEKSI**

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:

.....
()

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....
()



UJIAN PERSONALITI WARNA (IPW)

Pembangun: Prof. Sidek Mohd Noah (UPM), 1987 dan versi terbaharu yang diguna pakai adalah 2013.

Tujuan IPW: mengukur/mengenal pasti ciri-ciri personaliti berasaskan personaliti warna iaitu Emas, Hijau, Biru dan Jingga.

APLIKASI INVENTORI PERSONALITI WARNA (IPW)

- Mengenal potensi diri
- Pembahagian kumpulan
- Keberkesanan komunikasi
- Teknik pembelajaran dan pengajaran
- Bidang keselarasan tugas dan kerjaya
- Keharmonian keluarga
- Gaya asuhan anak-anak

PENTADBIRAN INVENTORI PERSONALITI WARNA (IPW)

- Bilik yang kondusif
- Tiada masa yang khusus – anggaran 15-20 minit untuk menjawab
- Menjawab dengan jujur dan ikhlas
- Jawapan yang baik adalah spontan
- Mempunyai 100 item
- Tiada jawapan betul atau salah

PERATURAN

EMAS

BOLEH DIPERCAYAI -
KEIBUBAPAAN -
BERTANGGUNGJAWAB -
IKUT PERATURAN -
ADAT RESAM -
TRADISIONAL -
KONSERVATIF -
SISTEMATIK -

FIKIRAN

HIJAU

- BERDASARKAN TEORI
- INGIN TAHU
- KOMPLEKS
- FALSFAH
- PANJANG AKAL
- TENANG
- SABAR
- BERPENGETAHUAN

BIRU

ROMANTIS -
HARMONI -
TULEN -
KERJASAMA -
UNIK -
BERSENI -
EMPATI -
SETIA -

PERASAAN


JINGGA

- TIDAK SUKA PERATURAN
- SUKA MENGHARUNGI
BAHAYA DAN CABARAN
- SPONTAN
- GOPOH-GAPAH
- BERANI
- SUKA PERTANDINGAN
- BAHAYA DAN SERONOK
- BERKEMAHIRAN

KEBEBASAN

AKAL

EMAS



HIJAU



EKSTROVET

INTROVET

BIRU



JINGGA



PERASAAN

EMAS

“peraturan, bertanggungjawab, teratur ”

DIRI SAYA

- Saya menghormati masa
- Saya menghargai hidup berkeluarga
- Saya mengambil tahu tentang sesuatu
- Secara semula jadi saya suka mengekalkan atau memelihara sesuatu adat resam
- Saya suka menolong

SAYA DI TEMPAT KERJA

- Saya menjaga kestabilan dan menyusun atur tempat kerja
- Saya berkebolehan mengendalikan urusan terperinci
- Saya sanggup bekerja keras untuk organisasi
- Saya percaya bahawa kita mesti bekerja dahulu barulah bermain. Walaupun terpaksa bekerja lebih masa untuk menyelesaikan kerja itu

SAYA SEMASA KANAK-KANAK

- Saya sentiasa mahu mengikuti undang-undang dan peraturan sekolah
- Saya rasa selesa dengan rutin pembelajaran
- Saya dapat menyesuaikan diri dengan mudah dalam sistem sekolah

HIJAU

“ pemikir, berinovasi, berpandangan jauh ”

DIRI SAYA

- Saya cenderung dan cekap dalam pelbagai lapangan
- Saya cenderung untuk mereka cipta sesuatu yang baru
- Saya cekap dan berkebolehan menjalankan tugas dengan sempurna
- Saya bersifat ingin tahu yang tinggi
- Saya mempunyai sikap jujur, tenang, sabar dan berprinsip
- Saya seorang yang analitikal dan investigatif

SAYA DI TEMPAT KERJA

- Saya seorang pemikir konsep
- Bagi saya bekerja itu satu permainan
- Saya menghadapi cabaran dan tugas dengan tenang
- Saya suka mereka cipta model, meneroka idea dan menonjolkan pembaharuan

SAYA SEMASA KANAK-KANAK

- Saya seperti lebih tua dari umur dari segi pemikiran
- Saya tidak sabar dengan kaedah latih tubi atau rutin
- Saya meminati subjek yang merangsang idea dan kreativiti.

BIRU

“ keharmonian, ikhlas, mesra ”

DIRI SAYA

- Saya mudah bersimpati
- Saya inginkan perhubungan yang mesra dan mengasihani
- Saya berkebolehan untuk menyelami perasaan dan pemikiran orang lain
- Saya mudah terasa dan bersikap lemah lembut
- Saya suka berkarya dan memberi ilham
- Saya seorang yang romantis secara semula jadi
- Saya bersemangat, gembira, imaginatif

SAYA DI TEMPAT KERJA

- Saya mahir memberi motivasi dan berinteraksi dengan orang lain
- Saya minat bekerja dalam bidang seni, komunikasi, pendidikan dan profesion menolong orang lain
- Saya mempunyai dorongan yang kuat untuk mempengaruhi orang lain supaya menikmati hidup yang lebih bermakna

SAYA SEMASA KANAK-KANAK

- Saya seorang yang imaginatif
- Saya sukar menyesuaikan diri dalam sistem dan struktur sekolah
- Saya mahukan pujian
- Saya tidak sukakan perbalahan
- Saya sukakan galakan bukannya persaingan
- Saya tidak suka dibanding-bandingkan dengan orang lain

JINGGA

“ aktif, gembira, kebebasan ”

DIRI SAYA

- Saya bertindak secara spontan, suka berjenaka, pandai, menawan
- Saya cergas, pandai menggunakan kesempatan yang ada
- Saya sukakan keseronokan dan sesuatu yang memberangsangkan
- Saya suka aktiviti bercorak persaingan yang sihat
- Saya tabah menghadapi sesuatu dan tidak gentar
- Saya kadang kala mengambil tindakan tergopoh gapah
- Saya realistik
- Saya gemar pengalaman yang luar biasa dan berbahaya tetapi menyeronokkan

SAYA DI TEMPAT KERJA

- Saya cepat bosan dan gelisah jika mendapat kerja yang berstruktur, *rigid*, dan mengikut rutin
- Saya suka kerja yang memberikan kebebasan dan dapat menggunakan koordinasi fizikal dan alatan
- Saya seorang penghibur semula jadi

SAYA SEMASA KANAK-KANAK

- Saya menghadapi kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan rutin sekolah
- Saya belajar dengan pengalaman dan bukannya dengan membaca dan mendengar
- Saya sukakan aktiviti yang melibatkan pergerakan fizikal
- Saya suka bersaing, inginkan kegembiraan dan keseronokan

OBJEKTIF

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Mengenal pasti ciri-ciri dalaman konsep sendiri.
2. Membuat penilaian sendiri ke arah pembentukan diri yang sempurna dan yang positif.
3. Meneroka dan mengenali personaliti diri sendiri.
4. Memanfaatkan potensi atau pun fitrah diri secara sihat.

LANGKAH-LANGKAH

1. Pegawai Psikologi memberikan penerangan berhubung dengan ujian yang akan dijalankan.
2. Pegawai Psikologi mengedarkan kertas Soal Selidik – Personaliti Warna dan kertas jawapan kepada setiap pelajar.
3. Pegawai Psikologi meminta pelajar supaya mematuhi prosedur sebelum menjawab ujian tersebut.
4. Pelajar menjawab kertas ujian Personaliti Warna dalam tempoh yang ditentukan.
5. Pegawai Psikologi menganalisa dan menginterpretasi skor personaliti pelajar.

NILAI-NILAI MURNI



REFLEKSI

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on its right side, suggesting it's resting on a surface.

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:


()

Tandatangan Penasihat Akademik:

()

ANALISIS SWOT

Kuadran Analisis **SWOT** (*Strengths* – Kekuatan, *Weaknesses* - Kelemahan, *Opportunities* - Peluang, *Threats* - Ancaman) adalah suatu bentuk analisis diri yang dapat membantu saya memanfaatkan kekuatan, mengatasi halangan, memanfaatkan peluang dan menghindari ancaman bagi mencapai kejayaan dalam akademik, kerjaya dan kehidupan.



OBJEKTIF

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri.
2. Mengenal pasti peluang yang ada dan cabaran.
3. Merancang kehidupan dengan penuh keyakinan.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik meminta pelajar melihat borang aktiviti yang diedarkan.
2. Penasihat Akademik meminta setiap pelajar mencatatkan dalam borang berkaitan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang ada.
3. Meminta beberapa orang pelajar membaca analisis SWOT masing-masing.
4. Penasihat Akademik membuat rumusan terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan.

NILAI-NILAI MURNI**REFLEKSI****PERAKUAN**

Tandatangan Pelajar:

.....
()

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....
()




MEMUPUK
JATI DIRI, KEYAKINAN &
KEKUATAN DIRI
MENANGANI
ANCAMAN &
CABARAN

SWOT Saya

Nama Pelajar :
Kelas :


Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan maklumat diri, akademik, jenis personaliti dan kecenderungan minat kerjaya yang telah dikenal pasti.

KEKUATAN (Strengths) Ciri-ciri yang dikenal pasti? Bagaimana anda memanfaatkannya? Strengths 	KELEMAHAN (Weaknessess) Ciri-ciri yang dikenal pasti? Bagaimana anda mengatasinya? Weaknesses 
PELUANG (Opportunities) Ciri-ciri yang dikenal pasti? Bagaimana anda memanfaatkannya? Opportunities 	ANCAMAN (Threats) Ciri-ciri yang dikenal pasti? Bagaimana anda menghindarinya? Threats 

SWOT SAYA

ELEMEN 2: PENGURUSAN MASA

Pengurusan masa adalah keupayaan dan kemahiran mengurus aktiviti-aktiviti akademik, peribadi dan interpersonal dengan penuh rasa amanah, tanggungjawab, efisien dan efektif. Disiplin diri merupakan perkara yang sangat penting dalam pengurusan masa ke arah meningkatkan kecemerlangan diri. Masa amat penting dan berharga bagi kehidupan seseorang individu. Justeru, setiap individu berkewajipan menguruskan masanya dengan penuh teliti supaya setiap detik masa dapat dimanfaatkan.



"Demi masa, sesungguhnya manusia dalam kerugian kecuali mereka yang beriman, beramal soleh, berpesan dengan kebenaran dan berpesan dengan kesabaran"


~ Surah Al Asr (Ayat 1 ~ 3)

PERANCANGAN TUGASAN HARIAN

Senaraikan tugas atau aktiviti harian berdasarkan KEUTAMAAN dan untuk mencapai matlamat mingguan yang telah ditetapkan pada setiap malam sebelumnya atau semasa sarapan. Gunakan Kuadran Covey dalam membantu menentukan keutamaan dan kepentingan tugas yang disenaraikan seperti contoh yang ditunjukkan pada rajah di bawah.

	SEGERA	TIDAK SEGERA
PENTING	Kuadran 1 ☐ Ujian ☐ Projek ☐ Tugas ☐ Masalah mendesak	Kuadran 2 ☐ Belajar untuk peperiksaan ☐ Membuat latihan ☐ Meringkaskan nota ☐ Memahami pembelajaran
TIDAK PENTING	Kuadran 3 ☐ Gangguan ☐ Panggilan telefon ☐ Surat-menyurat ☐ Laporan/minit mesyuarat	Kuadran 4 ☐ Permainan komputer ☐ Bersebang ☐ Telefon ☐ Aktiviti santai

Adaptasi Pembahagian Aktiviti dalam Kuadran Stephen Covey (2008)



APA ITU STUDENT LEARNING TIME?

Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time* - SLT) merupakan sejumlah masa yang diperuntukkan oleh pelajar untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk aktiviti penilaian bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran.

Jumlah masa yang diperlukan untuk mempelajari komponen kurikulum tertentu ialah:



Jam Pembelajaran secara umumnya berbeza mengikut faktor peribadi antaranya keupayaan intelektual, pengalaman hidup dan pendidikan terdahulu.

Jadual di bawah dapat membantu dalam membuat agihan masa pembelajaran yang diperlukan dan boleh dicatatkan ke dalam perancangan mingguan.

Aktiviti Pembelajaran	Tempoh Masa (Jam)	Persediaan Belajar Sendiri	Cadangan Masa Diperuntukan (Jam)
Kuliah	1	• Subjek biasa • Subjek sukar	1 - 2 3 atau lebih
Tugasan (Tutorial)	2 – 3	Menyiapkan tugasan	1 - 2
Makmal (termasuk laporan)	2 – 4	Persediaan & laporan bertulis	2 – 3
Pembentangan	2	Persediaan pembentangan	3 – 4
Kerja Kursus/ Tugasan	2000 perkataan	Persediaan tugasan kerja kursus	10 – 12
Pembelajaran Berasaskan Masalah (<i>Problem-Based Learning</i>)	2 – 3	• Persediaan perbincangan • Kumpulan perbincangan	1 – 2 2 – 3

TIPS PENGURUSAN MASA EFEKTIF

Pengurusan masa sangat membantu dalam kehidupan harian dan membantu menentukan perkara yang sepatutnya dilakukan terlebih dahulu. Semua organisasi di seluruh dunia ini menitik beratkan penggunaan masa dengan bijak.

Tips:



CHECKLIST

Penggunaan masa mengikut keutamaan (Teknik Kuadran)

TIDUR SEBENTAR ANTARA WAKTU (NAPPING)

12:00 tengah hari – 1:00 petang

<http://www.artofwellbeing.com/2015/08/07/hack-your-nap/>

TETAPKAN MASA UNTUK MENYELESAIKAN SESUATU TUGAS

Bataskan perbualan telefon

Kurangkan menonton televisyen/ media sosial

Atasi kemalasan/ kelesuan

KESAN MUSUH KITA

Musuh masa adalah diri saya sendiri dan orang lain.
Contoh: menjawab panggilan telefon terlalu lama, melepak dan melakukan aktiviti sosial yang tidak berfaedah.

KENAL PASTI PRIME TIME & MASA PENAT

Contoh tugas penting adalah MENYIAPKAN tugas dan Prime Time saya adalah pada waktu pagi, maka mulakan pada awal pagi.

OBJEKTIF

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui kepentingan perancangan aktiviti harian.
2. Mengenal pasti kepentingan masa dan dapat menguruskan masa dalam kehidupan seharian.
3. Mengatur perancangan mengikut pola keutamaan, yang mana perlu diutamakan dan yang perlu ditangguhkan.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik mengedarkan borang aktiviti kepada pelajar.
2. Penasihat Akademik menerangkan tentang kepentingan perancangan aktiviti harian.
3. Penasihat Akademik menerangkan tentang keutamaan dan kepentingan aktiviti mengikut Kuadran Covey.
4. Penasihat Akademik menerangkan tentang kepentingan pengurusan masa kepada pelajar.
5. Penasihat Akademik menerangkan tips pengurusan masa kepada pelajar.

NILAI-NILAI MURNI



REFLEKSI

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on its right side, suggesting it's resting on a surface.

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:

.....
(

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....

(

AKTIVITI 1D: PERANCANGAN AKTIVITI HARIAN

NAMA: PELAJAR

KELAS:

DOMAIN 4

PEMBELAJARAN BERKESAN

AKTIVITI 1 : KUADRAN COVEY

Senaraikan tugas dan aktiviti harian dengan melengkapkan 4 Kuadran Covey di bawah. Rancang dan jadualkan tugas dan aktiviti harian tersebut ke dalam perancangan mingguan.

	SEGERA	TIDAK SEGERA
PENTING	Kuadran 1	Kuadran 2
TIDAK PENTING	Kuadran 3	Kuadran 4

AKTIVITI 1D:

PERANCANGAN AKTIVITI HARIAN

NAMA:
PELAJAR

KELAS:

DOMAIN 4

PEMBELAJARAN BERKESAN

AKTIVITI 2 : PERANCANGAN HARIAN

Lengkapkan jadual yang diberikan dengan waktu kuliah, makmal/ bengkel dan tutorial kursus-kursus yang diambil pada sesi pengajian yang berkenaan. Penjadualan perlu konsisten dan seimbang di antara akademik dan keperluan peribadi.

[illegible]

GAYA PEMBELAJARAN

Setiap individu mempunyai gaya pembelajaran berbeza yang dipengaruhi oleh ciri-ciri peribadi. Gaya belajar mempengaruhi cara seseorang menerima, mengumpul, memproses dan mengeluarkan semula maklumat. Memahami gaya pembelajaran dan menyesuaikannya dengan strategi dan teknik belajar amat membantu:

- ☐ Memaksimumkan pencapaian hasil pembelajaran.
- ☐ Mengatasi masalah di dalam kelas.
- ☐ Meningkatkan keberkesanan strategi dan teknik belajar.
- ☐ Mengenal pasti situasi yang paling sesuai untuk belajar.
- ☐ Memperolehi markah yang lebih baik.
- ☐ Mengurangkan tekanan (*stress*).
- ☐ Merancang dan mengurus masa dengan lebih baik.

Terdapat tiga (3) jenis Gaya Pembelajaran iaitu Visual , Auditori dan Kinestetik:



OBJEKTIF


Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Memahami gaya pembelajaran dan menyesuakannya dengan strategi dan teknik belajar yang betul.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik menerangkan kepada pelajar tentang gaya pembelajaran.
2. Penasihat Akademik menerangkan kepada pelajar kepentingan untuk pelajar mengenal pasti gaya pembelajaran bagi mengoptimumkan hasil pembelajaran.
3. Penasihat Akademik mengedarkan kepada pelajar borang soal selidik Gaya Pembelajaran Visual , Auditori dan Kinestetik kepada pelajar.
4. Penasihat Akademik memberikan tempoh masa untuk pelajar menjawab.
5. Penasihat Akademik membuat analisa bagi setiap pelajar berdasarkan keputusan soal selidik Gaya Pembelajaran VAK.
6. Penasihat Akademik membuat rumusan terhadap aktiviti yang dilaksanakan.

NILAI-NILAI MURNI



KESYUKURAN
DAN
JATI DIRI

MENGEMBANGKAN
POTENSI DIRI

REFLEKSI

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:

.....

(

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....

(

Kenali Gaya Belajar:
Soal Selidik Gaya Pembelajaran VAK
(Visual, Auditori & Kinestetik)

NAMA PELAJAR :

KELAS :

- Tiada jawapan yang betul atau salah.
- Tandakan jawapan yang paling tepat untuk mewakili sikap diri.
- Gunakan kunci skor untuk menentukan skor anda.

1. Apabila menggunakan peralatan baru, biasanya saya: a) membaca arahan terlebih dahulu b) mendengar penjelasan daripada orang yang telah menggunakannya c) terus menggunakannya kerana saya percaya sambil mencuba saya dapat mengetahui cara menggunakan peralatan itu dengan betul	2. Apabila memerlukan tunjuk arah semasa perjalanan, biasanya saya: a) merujuk peta b) meminta bantuan secara lisan c) mengikut naluri/ gerak hati atau mungkin menggunakan kompas
3. Apabila memasak menu yang baru, saya suka: a) mengikut resepi bertulis b) menghubungi rakan untuk mendapatkan penerangan c) mengikut gerak hati, menguji semasa memasak	4. Jika saya mengajar seseorang mengenai sesuatu yang baru, saya cenderung untuk: a) memberi arahan secara bertulis b) memberi penerangan secara lisan c) menunjukkan cara terlebih dahulu dan meminta mereka melakukan sendiri
5. Saya cenderung mengatakan: a) lihat bagaimana saya melakukannya b) dengar apa yang saya terangkan c) anda boleh terus melakukan	6. Pada masa lapang saya suka: a) pergi ke muzium dan galeri b) mendengar muzik dan berbual dengan rakan-rakan c) bersukan dan melakukan DIY (<i>Do It Yourself</i>)

7. Apabila membeli pakaian, saya cenderung untuk: a) menggambarkan bagaimana ia kelihatan b) berbincang dengan kakitangan kedai c) mencuba dan mengujinya	8. Apabila memilih percutian, biasanya saya: a) membaca banyak risalah b) mendengar pandangan dari rakan-rakan c) membayangkan bagaimana jika saya berada di tempat percutian tersebut
9. Jika saya membeli kereta baru, saya akan: a) membaca ulasan di akhbar dan majalah b) berbincang dengan rakan-rakan apa yang saya perlukan c) memandu-uji pelbagai jenis model	10. Apabila mempelajari kemahiran baru, saya selesa: a) melihat apa yang guru lakukan b) bercakap dengan guru apa yang harus saya lakukan c) mencuba sendiri dan terus melakukannya
11. Jika saya memilih menu makanan, saya cenderung untuk: a) membayangkan rupa dan bentuk makanan tersebut b) bercakap dengan rakan atau melalui pilihan sendiri c) membayangkan rasa makanan tersebut	12. Apabila mendengar kugiran, saya tidak lepas dari: a) menyaksikan ahli kugiran dan penonton b) mendengar lirik dan rentak c) bergerak bersama-sama dengan alunan muzik
13. Apabila menumpukan perhatian, saya kerap: a) fokus kepada perkataan dan gambar di hadapan saya b) membincangkan masalah dan penyelesaian yang mungkin melalui fikiran saya c) banyak bergerak, bermain-main dengan pen dan pensel dan menyentuh sesuatu	14. Saya memilih hiasan perabot rumah kerana saya suka: a) warna dan rupanya b) gambaran yang diberikan oleh penjual c) tekstur dan rasanya apabila disentuh
15. Memori pertama saya adalah: a) melihat sesuatu b) bercakap sesuatu c) melakukan sesuatu	16. Apabila cemas, saya: a) menggambarkan senario yang paling buruk b) bercakap sendirian perkara yang paling membimbangkan saya c) tidak boleh duduk diam dan sentiasa bergerak

17. Saya merasa dekat dengan seseorang disebabkan: a) bagaimana mereka kelihatan b) apa yang mereka katakan kepada saya c) bagaimana mereka membuat saya merasa	18. Apabila mengulang kaji untuk peperiksaan, biasanya saya: a) menulis banyak nota ulangkaji dan rajah b) membaca nota secara sendirian atau dengan orang lain c) mencipta formula
19. Apabila menerangkan kepada seseorang, saya cenderung untuk: a) menunjukkan kepada mereka apa yang saya maksudkan b) menjelaskan kepada mereka dengan cara yang berbeza sehingga mereka faham c) menggalakkan mereka untuk mencuba dan bercakap melalui idea yang saya berikan	20. Saya benar-benar suka: a) menonton filem, fotografi, melihat lukisan atau memerhatikan orang lain b) mendengar muzik, radio atau bercakap dengan rakan-rakan c) mengambil bahagian dalam sukan, menjamu selera atau menari
21. Kebanyakan masa lapang saya dihabiskan dengan: a) menonton televisyen b) berbual dengan rakan-rakan c) melakukan aktiviti fizikal	22. Apabila saya mula hendak mengenali seseorang, biasanya saya: a) mengatur untuk bersemuka dengan mereka b) bercakap dengan mereka melalui telefon c) cuba untuk melakukan aktiviti bersama seperti makan bersama
23. Saya mula-mula melihat bagaimana seseorang: a) kelihatan dan berpakaian b) mendengar dan bercakap c) berdiri dan bergerak	24. Jika saya marah, saya cenderung untuk: a) sering menggambarkan dalam fikiran saya, perkara yang menyebabkan saya marah b) meninggikan suara dan memberitahu orang apa yang saya rasa c) menghentak kaki, menutup pintu dengan kuat dan menunjukkan kemarahan secara fizikal

25. Saya merasa paling mudah untuk mengingat: a) raut wajah b) nama c) perkara yang telah saya lakukan	26. Saya rasa anda boleh menyatakan bahawa seseorang itu berbohong jika: a) mereka mengelak daripada melihat anda b) suara mereka berubah c) mereka menunjukkan perkara yang lucu
27. Apabila bertemu sahabat lama: a) saya berkata "gembira dapat berjumpa anda!" b) saya berkata "gembira dapat mendengar berita daripada anda!" c) saya memeluk dan berjabat tangan dengan mereka	28. Saya mudah mengingat sesuatu dengan: a) menulis nota atau menyimpan maklumat bercetak b) bercakap dengan kuat atau mengulangi ayat dan kata kunci dalam fikiran saya c) melakukan dan mempraktik aktiviti atau menggambarkan ia berlaku
29. Jika saya perlu membuat aduan tentang kerosakan barang, saya lebih selesa: a) menulis surat b) membuat aduan melalui telefon c) membawa barang tersebut ke kedai atau menyerahkan kepada ibu pejabat	30. Saya cenderung mengatakan: a) saya faham apa yang anda maksudkan b) saya dengar apa yang anda katakan c) saya tahu apa yang anda rasakan

Jumlahkan bilangan (a), (b) dan (c):

(a) = _____ (b) = _____ (c) = _____

Jika kebanyakannya **(a)**, saya mempunyai gaya pembelajaran **VISUAL**

Jika kebanyakannya **(b)**, saya mempunyai gaya pembelajaran **AUDITORI**

Jika kebanyakannya **(c)**, saya mempunyai gaya pembelajaran **KINESTETIK**

KEMAHIRAN MENCATAT NOTA

Nota merupakan bahan yang dicatat oleh seseorang pelajar semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Mencatat nota perlu kerana anda tidak perlu mengingat semua apa yang telah dipelajari. Nota menjadi bahan rujukan apabila kita terlupa sesuatu maklumat atau fakta.

Mencatat nota adalah satu seni. Nota yang sistematik, tersusun dan dalam bentuk yang menarik, dapat meningkatkan daya ingatan pelajar dan keberkesanannya dalam proses pembelajaran. Kemahiran ini boleh dipelajari dan diperbaiki dengan usaha, latihan dan minat pelajar-pelajar.

Oleh itu, pelajar seharusnya mencari dan berusaha untuk mempraktikkan teknik-teknik dan selok belok untuk menyediakan nota yang bermutu.

KEPENTINGAN MENCATAT NOTA

1. Semasa mencatat nota, anda menggunakan otak untuk berfikir secara kritis, analitik, dan kreatif untuk menapis isi-isi penting semasa pensyarah mengajar atau semasa sedang membaca.
2. Dapat membantu pelajar mengimbas kembali apa yang telah diipelajari daripada pensyarah atau apa yang kita baca.
3. Nota merupakan rekod kekal yang boleh dirujuk pada bila-bila masa atau apabila terlupa.
4. Mencatat nota adalah satu kaedah berkesan untuk pengukuhan.
5. Nota membolehkan pelajar tidak perlu mengingat semua yang telah dipelajari.
6. Nota yang telah disediakan pada peringkat awal boleh membantu pelajar membuat rujukan akhir sebelum menghadapi peperiksaan.

TEKNIK DAN BENTUK MENCATAT NOTA

Berikut ada beberapa panduan di mana pelajar boleh menggunakannya untuk mencatat nota:

1. Mencari isi penting daripada pengajaran atau penceramah. Catatan dibuat dengan penggunaan kata kunci. Gunakan formula [5 W + 1H]



? What	[Apa]
? Who	[Siapa]
? Why	[Kenapa]
? When	[Bila]
? Where	[Di mana]
? How	[Bagaimana]

2. Catatan boleh juga dibuat berdasarkan perkataan berikut:
Tajuk, Sebab-sebab, Punca-punca, Faedahnya, Sifat-sifatnya, Langkah-langkahnya, Perbezaannya, Keputusannya.
3. Teknik gambar rajah – bentuk edaran
4. Pemetaan minda – bentuk tulang ikan, matahari, aliran sungai dll.
5. Cata aliran - bentuk jadual
6. Neumonik - menggabungkan beberapa ayat daripada fakta. Mengingati huruf awal dengan mereka cerita. Contoh Rukun Negara = **T**umpang **R**aja **P**ergi **U**lu **K**inta
 - Kepercayaan kepada **T**uhan
 - Kesetiaan kepada **R**aja dan Negara
 - Keluhuran **P**erlembagaan
 - Kedaulatan **U**ndang-undang
 - **K**esopanan dan **K**esusilaan
7. Akronim - singkatan abjad awal sesuatu frasa contoh seperti kehidupan seekor katak = TBAK
8. Akrostik - singkatan perkataan membentuk satu nama contoh Majlis Amanah Rakyat = MARA

CIRI-CIRI NOTA YANG BAIK

Walaupun ada pendapat yang menyatakan bahawa “cara mencatat nota” merupakan suatu perkara peribadi, seseorang boleh belajar untuk menjadi pencatat nota yang berkesan. Catatan atau nota lazimnya dibuat seperti yang berikut:

1. Terdiri daripada isi-isi penting [utama].
2. Nota biarlah terang, kemas dan mudah dibaca.
3. Nota ditulis di dalam buku catatan yang khas untuk sesuatu mata pelajaran.
4. Ringkas, menggunakan kata kunci dan bukan ayat-ayat yang lengkap;
5. Disusun dalam bentuk lakaran idea (*outline*) yang jelas dan boleh difahami;
6. Mengutamakan idea atau isi utama, disusuli dengan subidea pertama kedua, dan seterusnya;
7. Menggunakan tatatanda yang memudahkan anda mengenali idea, subidea dan maklumat sokongan.
8. Jika perlu, gunakan kependekan ejaan yang anda boleh faham.
9. Gunakan pen pelbagai warna untuk menarik perhatian mata dan minda anda seterusnya membawa kepada penumpuan ketika membaca.

Lazimnya, membuat catatan atau mencatat nota dikaitkan dengan kemahiran belajar diperolehi melalui sumber- sumber seperti kuliah ceramah, bahan yang dibaca seperti buku dan laporan dan pencerapan lapangan.

MENCATAT NOTA

Pendengaran	Bacaan	Catatan lapangan
Seminar; kuliah ucapan; ceramah, forum	Bahan cetak Bahan elektronik	Pemerhatian Temubual

OBJEKTIF

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Membina jati diri.
2. Membina keyakinan diri menghadapi cabaran.
3. Memupuk sifat sayangi diri dan orang lain.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik mengedarkan surat khabar dan pita selofan kepada setiap kumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membina menara impian kumpulan masing-masing menggunakan bahan yang diberi.
3. Setiap kumpulan perlu membentangkan hasil menara yang telah siap.
4. Semua menara yang telah siap, disusun di hadapan semua peserta.
5. Ahli kumpulan lain diminta untuk memusnahkan menara tersebut dengan cara membaling menara tersebut menggunakan bebola dari surat khabar.
6. Menara yang tumbang dianggap tidak kukuh manakala menara yang tidak tumbang dianggap stabil, kukuh dan kuat.
7. Peserta diminta memberi kesimpulan melalui aktiviti yang dibuat.
8. Penasihat Akademik membuat rumusan terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan.

NILAI-NILAI MURNI

Pelajar dapat menjalankan aktiviti dengan baik mengikut kreativiti masing-masing

REFLEKSI

[illegible]

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:

.....
()

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....
()

INSPIRASIKU

(AKTIVITI 2A)

35

ANALISIS SWOT - CERMIN DIRI

(AKTIVITI 2B)

39

PERANCANGAN MATLAMAT HIDUP

***i-SMART* - MENUJU PUNCAK KEJAYAAN**

(AKTIVITI 2C)

42

KOMUNIKASI INTERPERSONAL - IDOLA SAYA

(AKTIVITI 2D)

46

***GROOMING THE CHAMPION* - BAKAT**

48

PENGURUSAN STRES - TEKNIK RELAKSASI

(RELAXATION)

(AKTIVITI 2E)

49

KEMAHIRAN MENDENGAR - TELEFON KARAT

(AKTIVITI 2F)

51

PEMBENTUKAN SAHSIAH - SENAM TARI

(AKTIVITI 2G)

56

INSPIRASI KU

PERSONALITI

Personaliti mencerminkan sikap, pemikiran dan semangat dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan.

Motivasi bertujuan untuk mengujud dan meningkatkan tingkahlaku pelajar cemerlang serta menyalurkan ke arah yang lebih bermanfaat.

MOTIVASI INTRINSIK

Motivasi berpunca dari dalam ataupun dari luar diri seseorang

MOTIVASI EKSTRINSIK

Motivasi yang berpunca dari luar iaitu apabila kita buat sesuatu bagi mendapatkan ganjaran

KEPENTINGAN MOTIVASI DIRI

Konsep Kendiri yang positif dapat memotivasikan seseorang untuk mencapai kejayaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

□ BERCITA-CITA TINGGI



□ BEKERJA SECARA SISTEMATIK



□ BIJAK MENGATUR WAKTU



□ BERFIKIRAN DAN SIKAP POSITIF



CIRI-CIRI KEJAYAAN

MATLAMAT YANG JELAS



DAYA TAHAN TINGGI



FIKIRAN POSITIF



BERJIWA BESAR



OBJEKTIF

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Mengenal pasti seseorang yang boleh menjadi *role model* untuk dijadikan inspirasi.
2. Menyenaraikan kehebatan yang ada pada inspirasinya.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik meminta pelajar melihat borang aktiviti yang telah diedarkan.
2. Penasihat Akademik meminta setiap pelajar mengenal pasti *role model* yang sesuai sebagai INSPIRASIKU.
3. Pelajar perlu menampal gambar INSPIRASIKU di dalam ruang yang disediakan.
4. Pelajar perlu menyenaraikan kehebatan dan nilai positif INSPIRASIKU.
5. Penasihat Akademik membuat rumusan terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan.

NILAI-NILAI MURNI

Sifat-sifat positif
akan membina
pengurusan diri
yang cemerlang



REFLEKSI

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:

.....

(

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....

(

GAMBAR

Inspirasiku

PROFIL

KEHEBATAN

NILAI POSITIF

SAYA

VS

INSPIRASIKU


Bagaimana saya
boleh menjadi sehebat
"INSPIRASIKU" ?



Apakah nilai-nilai baik,
cemerlang dan positif
dalam diri "INSPIRASIKU"
yang boleh diserap
dalam diri saya untuk
menjadi inspirasi kepada
orang lain?

ANALISIS SWOT

Menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman anda untuk membangunkan personaliti diri anda. Buat grid **SWOT** seperti di bawah, menggunakan soalan sebagai titik permulaan anda.



OBJEKTIF

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri.
2. Mengenal pasti kekuatan yang ada dan menyuburkannya dalam diri.
3. Merancang kehidupan dengan penuh keyakinan.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik meminta pelajar melihat helaian aktiviti yang diedarkan.
2. Penasihat Akademik meminta setiap pelajar menyenaraikan sikap positif dan negatif yang terdapat pada diri.
3. Penasihat Akademik meminta beberapa orang pelajar membaca senarai yang dicatat oleh mereka.
4. Penasihat Akademik menyenaraikan sikap positif sahaja.
5. Penasihat Akademik menerangkan secara ringkas beberapa sikap positif untuk memahami pelajar.
6. Penasihat Akademik mengemukakan beberapa soalan ringkas bertujuan membuat semakan tentang pemahaman dan keperluan memiliki sikap positif.

NILAI-NILAI MURNI

SIKAP POSITIF
AKAN MEMBINA
PENGURUSAN DIRI
YANG CEMERLANG

REFLEKSI

[illegible]

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:


.....
(

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....
(

**BORANG SENARAI SIKAP POSITIF DAN NEGATIF
YANG TERDAPAT PADA DIRI SAYA**

SIKAP POSITIF	SIKAP NEGATIF



MATLAMAT YANG JELAS & i-SMART

Apa itu i-SMART?

i-SMART adalah program/aktiviti yang disertai oleh pelajar yang diterapkan dengan elemen Kemahiran Insaniah bagi meningkatkan ketrampilan dan keunggulan pelajar Kolej Komuniti Malaysia dan seterusnya membantu dalam kebolehpasaran graduan.

Matlamat yang ditetapkan perlu melengkapi ciri-ciri i-SMART:



SMART GOALS

SMART



Domain ini membantu anda menjadi pelajar yang mempunyai matlamat yang jelas di dalam kehidupan, akademik, kerjaya dan berciri i-SMART serta mampu mendapatkan pekerjaan dengan kemahiran yang diperlukan industri. Matlamat yang jelas berfungsi sebagai penunjuk arah kepada kecemerlangan. Ia juga dapat mencetuskan motivasi dalaman individu.

OBJEKTIF

Setelah menjalankan aktiviti ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui kepentingan mempunyai penentuan matlamat dalam kehidupan.
2. Merancang kerjaya pada masa hadapan dengan sistematik.

LANGKAH-LANGKAH

1. Penasihat Akademik menerangkan tentang pentingnya perancangan untuk mencapai matlamat.
2. Penasihat Akademik juga menekankan aspek had masa yang diperlukan untuk diisi pada helaian aktiviti .
3. Setelah selesai pelajar menjawab, Penasihat Akademik akan menjemput beberapa orang pelajar untuk membacakan helaian perancangan matlamat yang telah siap.
4. Penasihat Akademik membuat rumusan terhadap pembentangan yang dilakukan.

NILAI-NILAI MURNI



REFLEKSI

[illegible]

PERAKUAN

Tandatangan Pelajar:

()

Tandatangan Penasihat Akademik:

.....
()

PERANCANGAN MATLAMAT HIDUP

PERKARA/ AKTIVITI	JANGKAAN TAHUN DICAPAI
1. Tamat belajar kolej komuniti dengan HPNM 3.0 ke atas.	
2. Menyambung pengajian ke tahap diploma	
3. Bekerja untuk menimba pengalaman	
4. Bekerja di organisasi besar dengan gaji permulaan RM1500 ke atas.	
6. Berkahwin dengan restu ibu bapa	
7. Menjadi ketua dalam sesuatu organisasi	



Keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka menurut Teori Multiple Intelligences (Gardner, 1993)

JENIS-JENIS KOMUNIKASI

Komunikasi boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan.

1. KOMUNIKASI LISAN

Komunikasi yang diucapkan oleh penghantar mesej (enkod) dan diterima oleh penerima mesej (dekod) dan mesej itu difahami. Contohnya ialah dua orang yang sedang berbual. Medium lain juga selalu digunakan semasa berkomunikasi seperti penghantaran surat, penggunaan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), pesanan elektronik (e-mel), buku dan akhbar.

2. KOMUNIKASI BUKAN LISAN

Ia adalah maklumat yang tidak diucapkan atau bukan bentuk penulisan. Hal ini termasuklah:

a. Ruang/Wilayah

Jarak individu dengan individu yang lain menggambarkan tahap komunikasi. Jarak yang dekat bermakna akrab sementara jarak yang jauh menggambarkan kurang mesra. Cara menggunakan ruang fizikal juga menggambarkan personaliti individu, contohnya susunan perabot dalam rumah atau pejabat .

b. Bahasa Badan

i. Ekspresi Wajah

Muka anda dapat menyampaikan maklumat kepada orang lain. Muka menggambarkan kesedihan, kegembiraan, terkejut, marah dan malu.

ii. Gaya Badan

Ini termasuk cara anda bertingkah laku, contohnya cara anda berjalan, bergerak dan berlari. Gaya badan dapat menyampaikan maklumat semasa berkomunikasi. Antara maklumat tersebut termasuklah keyakinan, kebimbangan, ketakutan, tertarik, status dan keagresifan.

iii. Gerakan Badan

Anda boleh menyampaikan maklumat kepada orang lain dengan menggunakan gerakan badan dan lambang. Contohnya melambai-lambai, mengangguk dan lain-lain.

iv. Penampilan Diri

